KENYATAAN MEDIA

MDEC Bimbing Sembilan Syarikat Tempatan ke Platform Antarabangsa, Raih Peluang Komersial RM42 juta untuk industri kreatif

- *Program Akses Kreatif Digital Business Content & Market Matching (2Ps) MDEC membuka peluang di Sidang Kemuncak Maya Kidscreen 2021*
- *Peluang komersial bernilai RM27.3 juta dan penjualan sebenar berjumlah RM15.1 juta*

CYBERJAYA, 11 JUN 2021: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama dalam memacu transformasi ekonomi digital negara hari ini mengumumkan kejayaan membuka peluang komersial dan penjualan untuk industri kreatif tempatan bernilai RM42 juta menerusi Sidang Kemuncak Kidscreen 2021 yang berlangsung secara dalam talian.

Acara ini yang julung kali dianjurkan menyaksikan MDEC memimpin sembilan syarikat kreatif dalam proses membuat keputusan dan memeterai perjanjian untuk membina rangkaian dan memacu perniagaan syarikat -syarikat terlibat ke pasaran yang lebih luas. Nilai peluang komersial yang diraih oleh kesemua syarikat berkenaan berjumlah RM27.3 juta manakala penjualan sebenar sebanyak RM15.1 juta.

Kidscreen 2021 merupakan platform yang disediakan MDEC dengan menyajikan Program Akses Pasaran & Padanan Perniagaan Kandungan Digital (2P). 2P adalah inisiatif berterusan dalam meraih peluang untuk industri kreatif digital Malaysia ke pasaran domestik dan antarabangsa menerusi Virtual Buyer Fly Ins (VBFI) dan Virtual Business Missions (VBM).

Inisiatif 2P dirancang untuk memberi bantuan kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan kandungan kreatif digital dan pengkomersialan IP. Manfaatnya merangkumi pendedahan syarikat di pasaran antarabangsa, mewujudkan peluang perniagaan serta penjualan dan seterusnya pengkomersialan IP dan perkhidmatan mereka.

Inisiatif 2P dirancang untuk memberi bantuan kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan (pekerja untuk disewa) dan pengkomersialan IP. Manfaatnya merangkumi pendedahan syarikat di pasaran antarabangsa, mewujudkan peluang perniagaan, penjualan dan pengkomersialan IP dan perkhidmatan mereka.

"MDEC menyedari situasi yang dihadapi oleh industri kreatif pada masa yang mencabar ini. Sokongan Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) dan usaha berterusan oleh MDEC merupakan komitmen jelas kepada industri, sejajar dengan matlamat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Malaysia 5.0, ”kata Gopi Ganesalingam, Naib Presiden Ekosistem Teknologi dan Globalisasi , MDEC.

PRISMA merupakan inisiatif jangka pendek utama oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) untuk menyokong dan mendorong kesinambungan pengamal industri kreatif tempatan sejajar dengan yang normal baharu berikutan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan.

MDEC yang mewakili negara menerusi Malaysian Pavilion yang terdiri daripada delegasi syarikat kreatif Malaysia, mengetuai lapan syarikat animasi dan satu syarikat permainan pada sidang kemuncak berkenaan yang merangkumi persidangan dan sesi pelancaran perniagaan hiburan kanak-kanak baru-baru ini. Sembilan syarikat terlibat ialah Monsta, Lemon Sky, Lil Critter, Giggle Garage, Skyline Interactive, Anima Vitae Point, Pixelline Studios, Animasia Studios dan Common Extract.

"Kejayaan Sidang Kemuncak Kidscreen 2021 secara maya merupakan kesinambungan kerja keras yang dilakukan menerusi acara sama pada 2020. Sokongan yang konsisten untuk industri inilah yang menyaksikan MDEC memberikan nilai utamanya sebagai agensi yang merapatkan jurang antara pasaran antarabangsa," kata Mohan Low, Ketua Kandungan Kreatif Digital.

Selain Program Akses Pasaran & Padanan Perniagaan Kandungan Digital (2P), program dan inisiatif MDEC yang lain dalam kandungan kreatif merangkumi Program Pembangunan Perusahaan Kandungan Digital (EDP), Program Streaming Kandungan Kreatif, Pemberian Kandungan Digital PRISMA (DCG PRISMA) dan Sokongan Teknologi Kandungan Digital Program (BATIK Digital) yang mana kesemuanya menyokong matlamat pakej PRISMA.

Festival Kreatif Digital Malaysia (MyDCF) MDEC yang akan datang pula menyaksikan gabungan Kre8tif! dan LEVEL UP yang dijangka akan dilancarkan pada September 2021. Ini akan membolehkan pemilik perniagaan melibatkan pelbagai disiplin akan bekerjasama untuk membentuk peluang perniagaan baharu. MyDCF merangkumi persidangan, padanan perniagaan, *elevator pitch* dan bengkel. Untuk maklumat lebih lanjut, lawati www.mdec.my

#END#

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. MDEC membawa agenda Malaysia 5.0, membolehkan negara diintegrasi dengan teknologi secara mendalam, seterusnya menyediakan peluang-peluang digital yang adil dan saksama kepada rakyat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (New skills), Penerimaan (Adoption), Pengganggu (Disruptors) dan Pelaburan (Investments). Ini membentuk asas kepada kempen jenama digital NADI MDEC yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, perniagaan dan para pelabur. MDEC mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing tinggi dari segi digital di peringkat global, berpandukan inklusif, kelestarian, dan kemakmuran bersama dan menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

#Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut melalui inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: https://www.facebook.com/MyMDEC/ Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Dashika Gnaneswaran - dashika.gnaneswaran@mdec.com.my

Simon Yap – simon.yap@mdec.com.my